

Pemasaran baik dapat jual ciptaan tempatan

Oleh Wan Esuriyanti
Wan Ahmad

BA 29/6/03
CYBERJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata segala teknologi baru yang dicipta saintis tempatan hendaklah mempunyai sistem pemasaran yang baik supaya dapat diperdagangkan secara inovatif ke pasaran global.

Beliau berkata, sekiranya tidak ada pakej yang baik, apa juga ciptaan teknologi yang dihasilkan tidak akan menembusi mana-mana pasaran.

“Semua barangan (teknologi) mengambil masa untuk melakukan penyelidikan tetapi macam mana kita pakej dan pasarkan barangan itu adalah paling penting. Kalau kita tak tahu pakejkan sesuatu, barang yang baik pun mungkin tidak akan laku,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke makmal InventQjaya Fast Track di sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kewangan Datuk Jamaluddin Jarjis dan Ketua Eksekutif InventQjaya, Dr Sadeg M. Faris.

InventQjaya, yang dilancarkan Perdana Menteri Januari lalu, adalah makmal bertaraf dunia, dan dibina

bagi tujuan mereka cipta, memaju dan memasarkan teknologi baru di Malaysia bagi pasaran global.

Ia dikendalikan syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat, Reveo Incorporated (Reveo), dengan dibantu kerajaan Malaysia.

Perdana menteri yang berpuas hati dengan perkembangan makmal itu berkata, banyak lagi potensi teknologi yang boleh dihasilkan tetapi ia mungkin mengambil masa yang lama.

Ditanya sama ada kemungkinan Malaysia dapat menghasilkan teknologi yang mempunyai kos lebih murah, Perdana Menteri berkata:

“Mungkin kos lebih murah tetapi kita tentu faham, bahawa teknologi membabitkan kos tinggi dan mungkin daripada sepuluh hasil teknologi, hanya satu yang boleh kita guna atau lebih... daripada 20 hasil teknologi, satu saja yang boleh diguna pakai.”

Terdahulu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melancarkan majlis pecah tanah fasa kedua pembangunan Universiti Multimedia (MMU) , di sini.

Dr Mahathir dan isteri turut melawat galeri kreatif dan Persistence of Vision Sdn Bhd (POV), sebuah syarikat animasi yang beroperasi di universiti berkenaan.